

## Perbandingan antara Hisbah dan Majelis Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam

Ahmad Faizol Ismail

### Abstrak

Sebagaimana definisi fuqaha, hisbah adalah badan pelaksana yang diberi kuasa untuk melakukan *al-amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar* dalam bidang kuasa yang diberi oleh sesebuah kerajaan Islam. Manakala Majelis Penasihat Syariah (MPS) pula adalah sebuah komponen bank yang berperanan memantau bank Islam, agar ia beroperasi sejajar dengan kehendak syariah. Ia juga berperanan sebagai pemutus kepada bank, untuk menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan hukum dalam menjalankan operasinya. Persoalan yang timbul adalah adakah MPS benar-benar menepati ciri-ciri yang membolehkannya dikatakan sebagai adaptasi hisbah. Melalui metodologi kajian perpustakaan, artikel ini membandingkan kedua-duanya melalui tiga aspek, iaitu definisi, bidang kuasa dan dalil-dalil pensyariatannya. Artikel ini merumuskan bahawa, hisbah dan MPS mempunyai definisi yang menekankan aspek pematuhan kepada syarak. Selain itu, MPS juga menjalankan sebahagian tugas hisbah. Manakala dalil-dalil pensyariatannya hisbah adalah bersifat umum dan terpakai kepada MPS.

Kata Kunci: Perbankan Islam; Majelis Penasihat Syariah; hisbah.

### Abstract

*As defined by the Islamic jurists, hisbah is practicing al-amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar in provided areas by an Islamic government. The Shariah Advisory Council (SAC) is an advisory board to Islamic banks that provides Islamic views on products offered. It has specific functions associated with the muamalat tenets of Islam. The main question which arises is whether SAC is a real adaptation of hisbah or not. This paper analyses the correlation between hisbah and SAC, of the Islamic banking system in the aspect of definition, rules and dalil. Qualitative methods used include data collected through reviews of theories and practices of hisbah and technical documents related to the discussion on SAC. The data are analysed descriptively. In conclusion, hisbah and SAC shared the same concern of Shariah compliance in definition. Furthermore, SAC follows the rules of hisbah. While, dalils of legacy for hisbah is applied for SAC.*

*Key Words: Islamic Banking; Shariah Advisory Council; hisbah.*

---

### Pengenalan

*Hisbah* adalah instrumen yang berfungsi untuk menyeru kebaikan, apabila manusia meninggalkannya secara terang-terangan dan mencegah kemungkaran apabila manusia melakukannya secara terang-terangan (al-Mawardi t.th.). Ia merupakan fitrah sebenar yang

terkandung dalam hidup manusia dan dilaksanakan berdasarkan batasan-batasan kuasa tertentu, bermula dari dalam diri sehingga kepada masyarakat umum. Secara praktikalnya, hisbah pernah menjadi nadi penggerak pemerintahan Islam berukuran lamanya. Hisbah berfungsi untuk memastikan setiap komponen pemerintahan berada pada landasan syarak. Manakala Majlis Penasihat Syariah (MPS) adalah sebuah jawatankuasa yang memastikan badan kewangan Islam atau perbankan Islam beroperasi bertepatan dengan kehendak syariah (Hammād, 2006). Ia berperanan untuk mengeluarkan fatwa bagi memastikan produk perbankan yang dipasarkan oleh bank adalah tidak mengandungi unsur-unsur yang dilarang oleh syariah seperti riba dan *gharar*. Hammad (2006) dan Hassan (1996) dalam kajian masing-masing mengaitkan pembentukan MPS sebagai adaptasi daripada hisbah.

Namun, adakah MPS benar-benar merupakan adaptasi kepada hisbah? Hisbah merupakan institusi yang memantau pematuhan masyarakat terhadap syarak. Sedangkan MPS pula hanya berlegar dalam ruang lingkup bank. Bagi menghuraikan permasalahan ini, kertas ini akan membandingkan MPS dan hisbah dari beberapa aspek. Aspek pertama yang dilihat adalah definisi hisbah dan MPS itu sendiri. Kemudian, kupasan mengenai bidang kuasa hisbah dan MPS akan diberi perhatian. Akhir sekali, kedudukan dalil-dalil penyariatian hisbah akan diteliti perkaitannya dengan MPS. Kupasan ketiga-tiga aspek ini bertujuan untuk membandingkan kedua-dua institusi ini, bagi memastikan sama ada MPS adalah adaptasi hisbah yang sebenar atau tidak.

## Perkaitan Hisbah dan MPS Menurut Definisi

Hisbah berasal daripada perkataan Arab iaitu *ihtasaba* (اِحْتَسَبَ), *yahtasibu* (يَحْتَسِبُ) dan *ihtisāban* (اِحْتِسَابًا) yang membawa maksud bersegera dalam mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah s.w.t. dengan melaksanakan kebaikan yang dituntut (Ibn Manzūr, 1988). Dirwayatkan bahawa ‘Umar ibn al-Khattāb r.a. pernah menyatakan, “Wahai manusia, hisablah (nilaikanlah) amalan-amalan kamu. Sesungguhnya barangsiapa yang menghisab dirinya, maka dituliskan untuknya pahala amalannya beserta dengan pahala muhasabah tersebut” (al-Murāghī t.th.).

Manakala MPS diistilahkan sebagai *al-Raqābah al-Syarīyyah* oleh para pengkaji semasa. Ia adalah istilah baru yang tidak disebut secara langsung oleh para fuqaha klasik (Hammād 2006). Terdapat juga sesetengah fuqaha yang menggunakan istilah *Mustasyār Syarī*, iaitu penasihat syariah, sebagaimana yang digunakan oleh sistem perbankan Islam di Malaysia. Perbezaan ini adalah disebabkan oleh bidang kuasa yang diperuntukkan kepada jawatankuasa tersebut. Jika ia berada pada tahap pemutus, ia dikenali sebagai *Muraqib*, manakala jika ia hanya selaku penasihat, ia diistilahkan sebagai *Mustasyar* (Hammād 2006). Walau bagaimanapun, kedua-dua istilah ini merujuk kepada istilah yang pertama iaitu *al-Raqābah al-Syarīyyah*, atas alasan peruntukan yang diberikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) kepada MPS di Malaysia, selaku penasihat, mencapai tahap pemutus, meskipun tidak secara mutlak.

*Al-Raqābah* berasal daripada perkataan *raqaba* (رَقَبَ), *yaqribu* (يُرْقُبُ) dan *raqābatan* (رَقَابَةً), yang bermaksud jaga, pantau dan amanah (al-Āyīd 1989). Syariah atau syarak pula adalah hukum atau undang-undang yang bersumberkan ajaran Islam, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Secara mudahnya, *al-Raqābah al-Syarīyyah* bererti pemantauan yang bertujuan untuk memastikan perkara yang dipantau itu bergerak seiring dengan kehendak hukum dan prinsip-prinsip perundangan Islam.

Secara takrifan terminologi pula, hisbah adalah perbuatan menyeru ke arah kebaikan, apabila manusia meninggalkannya secara terang-terangan dan mencegah melakukan kemungkaran apabila manusia melakukannya secara terang-terangan (al-Mawardi t.th.). Manakala, Ibn Khaldun mendefinisikan hisbah sebagai satu tugas suruhan agama, yang terangkum di dalamnya konsep menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran ke atas individu yang dipertanggungjawabkan menjaga urusan orang Islam (Khaldun t.th.).

Berdasarkan elemen-elemen yang dinyatakan, dapat disimpulkan bahawa hisbah adalah satu institusi kerajaan yang diwakilkan kepada agensi penguatkuasaan yang dilantik, yang dinamakan *muhtasib*. Hisbah berperanan untuk mengawal selia aktiviti ekonomi, keagamaan, kesihatan dan pentadbiran sesebuah bandar. Tujuan kawal selia ini adalah untuk memastikan segala aktiviti tersebut tidak bercanggah dengan undang-undang Islam dengan dihukum mereka yang didapati bersalah (Ahmad 1999a).

Dalam kata lain, hisbah adalah sebuah badan pelaksana yang diberi kuasa memantau dan melaksanakan tindakan terhadap sesuatu perkara dalam bidang kuasanya. Bidang kuasa jawatankuasa ini bersangkut paut dengan konsep menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran, sama ada yang berkaitan dengan pengurusan pentadbiran, pemerintahan, aktiviti perniagaan, perekonomian, kehidupan harian masyarakat, keluarga, individu dan sebagainya agar semua perkara ini berada di atas landasan Islam yang sebenar.

Manakala MPS pula didefinisikan oleh Hammad (2006) sebagai jawatankuasa yang memastikan operasi badan kewangan Islam atau perbankan Islam bertepatan dengan kehendak syariah sebagaimana yang telah difatwakan. Hammad (2006) juga menyatakan bahawa tugas MPS adalah untuk menjaga dan memastikan aktiviti bank secara keseluruhannya dilaksanakan berdasarkan asas-asas syariah, sama ada dalam bidang muamalat, perkhidmatan yang ditawarkan dan hubungan dengan institut perbankan yang lain untuk mendapat keuntungan dan pelaburan yang terbaik. MPS adalah badan yang memastikan pelaksanaan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak tertentu, - Jawatankuasa Fatwa - dan pada masa yang sama menyediakan alternatif kepada sebarang aktiviti yang melanggar syariah (Za'ir 1996).

Berdasarkan definisi terhadap kedua-dua istilah tersebut, empat perkara dapat disimpulkan. Pertama, hisbah dan MPS adalah badan rasmi yang diwujudkan oleh pihak berkuasa berkaitan. Hisbah merupakan komponen yang ditubuhkan oleh kerajaan yang memerintah, dengan melantik beberapa individu bagi menjalankan tugas menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran dalam bidang kuasa tertentu. Manakala, MPS adalah komponen yang diwujudkan oleh pihak pengurusan bank, dengan melantik pakar-pakar dalam bidang berkaitan, bagi memastikan segala operasi bank dilaksanakan seperti yang ditentukan oleh syarak.

Kedua, hisbah dan MPS mempunyai objektif yang sama. Hisbah berperanan sebagai badan yang memantau aktiviti masyarakat agar bergerak dalam kerangka yang telah ditetapkan syarak. Muhtasib bertanggungjawab untuk mengambil tindakan terhadap anggota masyarakat yang berada di luar ruang lingkup syarak. Bukan itu sahaja, mereka juga berperanan untuk mengislahkan masyarakat dengan memastikan aktiviti berkelompok seperti solat berjemaah berjalan dengan sebaiknya. Objektif ini terserlah dalam definisi yang diberikan oleh Ahmad (1999a). Ahmad (1999a) menyatakan bahawa tujuan kawal selia yang dijalankan oleh hisbah adalah untuk memastikan segala aktiviti tersebut tidak bercanggah dengan undang-undang Islam dengan dihukum mereka yang didapati bersalah. Manakala MPS pula memainkan peranan penting dalam menjamin bank yang dipantau beroperasi dalam kerangka syarak. Meskipun ruang lingkup MPS adalah terbatas kepada bank tertentu sahaja, ia menuju ke arah matlamat yang sama dengan hisbah, iaitu memastikan bank patuh kepada batas-batas syarak. Menurut Abu Mu'ammir Faris (1994), kewujudan MPS sebagai satu langkah pemantauan yang digunakan bagi memastikan sesebuah bank Islam mematuhi syariah dalam menjalankan operasi.

Ketiga, hisbah dan MPS adalah pemantau. Pemantauan adalah proses memerhatikan dan memeriksa perkembangan sesuatu perkara dan fenomena secara kerap dan teliti. Tugas menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran tidak akan terlaksana jika tidak diiringi oleh pemantauan. Dalam membicarakan tugas hisbah, Ahmad (1999a) menyifatkan seseorang petugas hisbah berperanan untuk mengawal selia aktiviti ekonomi, keagamaan, kesihatan dan pentadbiran sesebuah bandar. Peristiwa Rasulullah s.a.w. dan penjual tamar buruk merupakan bukti awal bahawa hisbah berkait secara langsung dengan aktiviti

pemantauan perekonomian, di mana Baginda telah memantau para peniaga agar tidak menipu dalam timbangan dan harga (Syalabī 1981). Demikian juga dengan MPS. Malah tugas memantau ini, kelihatan lebih terserlah bagi MPS. Ia adalah komponen terpenting dalam sistem perbankan Islam yang menjadi pemantau kepada bank daripada sebarang pelanggaran hukum dan memberikan penyelesaian menurut acuan syariah kepada bank dalam menjalankan operasinya (al-Su'ud 2005).

Keempat, hisbah dan MPS merupakan amanah ukhrawi yang dipertanggungjawabkan kepada pihak-pihak yang terbabit. Pensyariatan hisbah dinyatakan dengan jelas melalui hujah-hujah al-Quran, hadith dan lain-lain yang akan dibincangkan selepas ini. Hujah-hujah ini menjadikan tugas muhtasib, mahupun ahli MPS, sebagai ibadah. Ia bukan sekadar pematuhan kepada prosedur kerja, malah lebih dari itu. Pemantauan itu dilaksanakan atas kapasiti yang jelas dari nas-nas berautoriti.

### **Perkaitan Fungsi Hisbah dan MPS**

Menurut Ahmad (1999b), para ulama telah membahagikan tugas mengawal selia aktiviti perekonomian oleh hisbah kepada tiga kategori, iaitu pertama, mengawasi harga barangan dan menetapkan harga. Menjadi tugas muhtasib untuk mengawasi harga barangan dan memastikan tiada penipuan berlaku. Akan tetapi, para fuqaha berselisih pendapat sama ada muhtasib boleh menetapkan harga barangan atau tidak ('Abd Allah 1996). Kedua, muhtasib bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan alat timbang dan sukat yang betul. Ujian perlu dilakukan untuk memastikan sukat dan timbangan adalah betul. Mengikut al-Mawardi, muhtasib boleh melantik pegawai pemeriksa yang khusus seperti pemeriksa sukat, pemeriksa timbangan dan pemeriksa mata wang jika diperlukan (al-Mawardi t.th.). Ketiga, mengawal selia pelbagai jenis perniagaan untuk memastikan tiada penipuan berlaku. Secara umumnya, tujuan kawal selia boleh dibahagikan kepada dua iaitu, untuk memastikan hukum syarak dipatuhi dan membasmi amalan-amalan yang bertentangan dengannya. Pada masa yang sama ianya bertujuan untuk menjaga hak pengguna dengan menjalankan siasatan terhadap penipuan dan kecuaiian penjual serta memastikan keaslian barangan. Al-Māwardī dan al-Farrā' membahagikan tugas ini kepada tiga iaitu memastikan kemahiran, kejujuran peniaga serta kualiti kerja yang dihasilkan oleh mereka (Ahmad 1999a).

Peristiwa Rasulullah s.a.w. dan penjual tamar buruk merupakan bukti bahawa hisbah berkait secara langsung dengan aktiviti perekonomian. Baginda telah memantau para peniaga agar tidak menipu dalam timbangan dan harga (Syalabī 1981). Selain itu, Rasulullah s.a.w. juga telah melantik Sa'īd ibn al-ʿĀs sebagai muhtasib untuk mengawasi kegiatan perniagaan di Kota Mekah selepas peristiwa pembukaan kota itu dan melantik ʿUmar ibn al-Khattāb sebagai muhtasib di pasar kota Madinah ('Abd Allah 1996). ʿUthman ibn al-ʿĀs telah dilantik bertugas di Ta'if. Malah, Baginda s.a.w. pernah menugaskan seorang perempuan, Samrā' binti Nahīk al-Asadiyyah untuk menjalankan tugas seorang muhtasib untuk menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran di pasar. Samrā' diriwayatkan menjalankan tugas meronda di pasar dengan menggunakan sebatang tongkat (al-Safadi 2000).

Antara tugas utama MPS, ia berfungsi sebagai penasihat kepada bank dalam perkara yang berkaitan syariah, dengan mengenalpasti pandangan syarak mengenai produk-produk baru yang ingin ditawarkan oleh bank terlebih dahulu (Bank Negara Malaysia, 2005). Ia juga mengkaji alternatif kepada produk-produk perbankan konvensional untuk ditawarkan kepada pelanggan oleh bank Islam. Selain itu, MPS berperanan untuk menetapkan peraturan dan kaedah berurusan dengan bank konvensional (Hamzah 2006).

Berdasarkan tugas-tugas yang dijalankan oleh kedua-dua badan ini, beberapa perkara dapat difahami. Pertama, MPS merupakan badan pemantau kepada bank agar ia beroperasi selaras dengan kehendak syarak. Ia adalah seumpama muhtasib, yang

mengawal selia pasar agar para peniaga mematuhi ketetapan syariah dalam urusan jual beli mereka. Keduanya, setiap ahli MPS dikehendaki untuk mempunyai kepakaran dalam bidang syariah dan hal ehwal perbankan Islam. Muhtasib pula disyaratkan agar mempunyai ilmu pengetahuan hukum-hakam urusan jual beli dan selok-belok sistem perniagaan ketika itu (Zaydan 2001). Ketiga, ahli MPS hendaklah individu yang dilantik oleh pihak yang berautoriti dari sudut keilmuan, sikap dan pengalaman. Meskipun pihak lain boleh memberi pendapat mereka mengenai suatu hukum, ia tidak terpakai kepada mana-mana bank. Demikian juga dengan seorang muhtasib. Tugas itu mesti dilantik oleh pemerintah, walaupun masyarakat dibenarkan untuk menjadi muhtasib secara sukarela atau *mutawwi*<sup>c</sup> ('Abd Allah 1996).

Penelitian di atas menunjukkan bahawa bidang kuasa ahli MPS merupakan sebahagian daripada bidang kuasa seorang muhtasib. Maka, dapat disimpulkan bahawa MPS merupakan perkara yang menepati syariah malah memenuhi konsep menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran dalam jual beli. Menyeru kebaikan yang dimaksudkan adalah memastikan operasi perbankan Islam menepati ketetapan syariah. Manakala mencegah kemungkaran pula, dilakukan dengan menghapuskan riba dan *gharar* dalam sistem perbankan hari ini.

## Perkaitan Dalil Pensyariatan Hisbah dengan MPS

Dalam mengupas isu ini, kita perlu melihat kepada dalil-dalil yang membicarakan kefarduan dan kewajipan umat Islam dalam melaksanakan tugas menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ini kerana asas pembinaan teori hisbah dan pelaksanaannya adalah bertunjangkan konsep tersebut. Dalil-dalil dan penghujahan isu ini adalah meliputi dalil al-Quran dan hadith-hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. sebagaimana berikut:

### Hujah Pertama

Firman Allah s.w.t.:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

Dan hendaklah ada dari kalangan kamu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang dari segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersikap demikian ialah orang-orang yang berjaya.

(Āli ʿImrān: 104)

Ayat ini mengandungi arahan yang jelas mengenai kefarduan dan kewajipan untuk melaksanakan tugas menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Di dalam ayat ini, perkataan (وَلْتَكُنْ) yang bermaksud 'hendaklah' adalah kata kerja yang disertakan dengan huruf (لَامُ الْأَمْرِ) - *lām al-amr*- yang menjadikan perbuatan ini sebagai satu arahan yang wajib dipatuhi berdasarkan kaedah *usūl al-fiqh* (الْأَمْرُ يُفِيدُ الْجُوب) - *al-amr yufidu al-wujūb* kata perintah membawa maksud wajib. Dalam membicarakan ayat ini, para ulama sepakat mengenai kefarduan tersebut, walau bagaimanapun terdapat perselisihan pendapat mengenai tahap kefarduan yang dimaksudkan, sama ada ia satu fardu ain atau fardu kifayah. Juhur fuqaha berpendapat ianya adalah fardu ain kepada golongan yang diberi kuasa iaitu muhtasib dan fardu kifayah kepada masyarakat umum iaitu *mutawwi*<sup>c</sup>. Ini berdasarkan kepada perkataan (مِنْكُمْ) yang bermaksud 'segolongan', iaitu berfungsi

sebagai (للتبعية) yang mengkhususkan kewajipan itu kepada golongan yang tertentu (al-Qurtūbī t.th.). Dalam menjelaskan isu ini juga, Ibn Taymiyyah menyatakan setiap kekuasaan yang diberi adalah bertujuan untuk melaksanakan tugas menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kuasa tersebut merangkumi ruang lingkup yang luas walaupun berbeza seperti pemimpin negara, ketua angkatan tentera mahupun ruang lingkup yang kecil seperti jawatan ketua polis, gabenor daerah mahupun penjaga perbendaharaan (Taymiyyah t.th.).

Hisbah dan MPS seperti yang telah dikupas, merupakan dua institusi yang melaksanakan tugas penting, iaitu menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Keduanya merupakan bidang kuasa yang telah diperuntukkan oleh pihak pemerintah dan bank yang terbabit. Jika melaksanakan tugas menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran itu satu kefarduan yang disyariatkan oleh Islam, maka hisbah dan MPS juga sedemikian. Malah, beban kefarduan tersebut menjadi tanggungjawab yang wajib dan lebih utama untuk dipikul oleh muhtasib dan anggota MPS, kerana mereka adalah golongan yang diberi kuasa oleh syariah dan pemerintah mahupun pihak bank.

### Hujah Kedua

Firman Allah s.w.t.:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آَمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ  
وَآَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Maksudnya:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (segaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka; orang-orang yang fasik.

(Āli-Imran: 110)

Allah s.w.t. telah memberi jaminan kepada umat Rasulullah s.a.w. bahawa mereka adalah umat yang terbaik. Namun, jaminan tersebut disertakan dengan syarat agar mereka melaksanakan tiga tugas penting iaitu menyeru ke arah kebaikan, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah s.w.t. dengan keimanan yang sebenarnya (al-Zuhaylī 1991). Ini turut dinyatakan oleh Mujāhid (al-Tabarī 2007). Oleh itu, instrumen seumpama hisbah dan MPS yang menjalankan tugas yang difardukan ini mesti wujud dalam masyarakat umat Islam demi mencapai dan memenuhi kehendak syarat-syarat yang telah diwajibkan agar kita mampu menjadi umat yang terbaik. Dalam konteks perekonomian, kewujudan MPS selaku pemantau dan penasihat kepada bank, menjadi benteng kepada masyarakat awam daripada terjebak dengan riba dalam produk perbankan mereka.

### Hujah Ketiga

Firman Allah s.w.t.:

وَيَلِّ لِلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا أَكَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ

يُحْسِرُونَ ۝ أَلَا يَظُنُّ أُولَٰئِكَ أَنَّهُمْ مَبْعُوثُونَ ۝ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ۝ يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ ۝  
الْعَالَمِينَ ۝

Maksudnya:

Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan) (1). Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang-cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup (2). Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi (3). Tidakkah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati) (4). Pada hari (kiamat) yang amat besar (huru-haranya) (5). Hari berdiri manusia untuk menghadap Tuhan sekalian alam (6).

(al-Muṭaffifin: 1-6)

Ketika Rasulullah s.a.w. tiba di kota Madinah dalam penghijrahan Baginda, penipuan dalam timbangan adalah salah satu permasalahan dalam kalangan penduduk Madinah. Diriwayatkan terdapat seorang lelaki yang digelar Abū Juhaynah yang mempunyai dua alat penimbang. Satu daripada penimbang tersebut mempunyai nilai yang tepat yang digunakan apabila dia membuat timbangan untuk membeli barang dagangan. Namun penimbang yang digunakan ketika membuat jualan mempunyai nilai timbangan yang lebih rendah. Ini mengakibatkan timbangan yang diterima untuk dirinya adalah tepat, namun timbangan untuk urusan lain adalah lebih rendah sekaligus mendatangkan keuntungan yang lebih (al-Zuhaylī 1991).

Oleh itu, Allah s.w.t. telah menurunkan ayat 1 hingga 6 surah ini untuk menempelak masyarakat Madinah yang berakhlak seperti itu. Selepas menyedari keadaan tersebut dan penurunan ayat dari surah ini, Rasulullah s.a.w. telah memastikan kemungkaran itu dihapuskan. Peristiwa ini juga merupakan salah satu manifestasi teori dan pelaksanaan hisbah oleh Rasulullah s.a.w. sekaligus mengisytiharkan bahawa ia adalah suatu yang difardukan. Ini terbukti kerana sejak dari peristiwa tersebut, masyarakat Madinah telah bertukar menjadi peniaga yang jujur dan tepat membuat timbangan dalam urusan jual beli mereka (Ibn Kathīr t.th).

Dunia semasa hari ini memperlihatkan penguasaan golongan Abu Juhaynah moden yang bergelar kapitalis terhadap ekonomi dunia amnya dan umat Islam khususnya. Secara tidak langsung, umat Islam turut terjebak dalam kancas ekonomi yang berasaskan riba ini. Maka, kewujudan MPS menjadi cukup signifikan kepada umat Islam. Mereka merupakan muhtasib kepada umat Islam, agar sistem riba ini dapat dielakkan daripada struktur produk perbankan Islam sebelum ia dipasarkan kepada masyarakat awam. Malah, keperluan mewujudkan MPS dalam setiap entiti ekonomi kini lebih diperlukan berbanding zaman pemerintahan Islam suatu ketika dahulu. Ini kerana, ekonomi dunia hari ini amat anjal dan sentiasa berubah-ubah, yang memerlukan pengawasan sepanjang masa.

### Hujah Keempat

Hadith Rasulullah s.a.w.:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ  
وَذَلِكَ أَوْعَفُ الْإِيمَانِ.

Maksudnya:

Barangsiapa di antara kamu yang melihat sebarang kemungkaran, maka hendaklah ia mencegahnya dengan tangan, jika sekiranya tidak mampu berbuat

demikian, maka cegahlah dengan mulut, jika sekiranya tidak mampu juga untuk berbuat demikian, maka hendaklah ia mencegahnya dengan hati. Sesungguhnya itu adalah selema-lemahnya iman.

(Muslim 2001, Kitāb al-Īmān, Bab Kawn al-Nahy °An Munkar min al-Iman, no. 78)

Jika diteliti, penghujahan yang terdapat dalam hadith ini adalah sama dengan ayat 105 Sūrah Ālī ‘Imrān. Perkataan (فَلْيَغْيِرْهُ) dalam surah ini bermaksud ‘ubahlah’ merupakan kata kerja yang disertakan dengan huruf (لَامُ الْأَمْرِ) -*lām al-amr*-. Ini menjadikan perbuatan tersebut sebagai satu arahan yang wajib dipatuhi berdasarkan kaedah *usūl al-fiqh* (الْأَمْرُ يُفِيدُ الْوَجُوبَ) - *al-amr yufidu al-wujūb*- iaitu kata perintah yang bermaksud wajib. Ia juga menerangkan bahawa perbuatan mungkar mesti dicegah dalam apa jua keadaan. Orang yang tidak mencegah walau sekadar membenci dalam hati terhadap sesuatu kemungkaran itu, tiada keimanan di hatinya.

Hadith ini juga menghuraikan bahawa pencegahan sesuatu kemungkaran perlu dilakukan secara berperingkat, iaitu dihapuskan dengan menggunakan kuasa terlebih dahulu. Ini bertepatan dengan tugas muhtasib yang diberi kuasa oleh pemerintah untuk mencegah perbuatan mungkar dan menyeru ke arah perbuatan yang baik. Sehubungan dengan itu, dapat difahami hisbah itu adalah sesuatu yang diwajibkan dan disyariatkan. Demikian juga dengan MPS. Anggota MPS merupakan golongan yang diberi kuasa oleh pihak bank untuk mencegah ketidakpatuhan kepada syarak dalam operasi dan produk bank berkenaan.

### Hujah Kelima

Hadith Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ مَرَّ عَلَى صُبْرَةِ طَعَامٍ فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلَلًا فَقَالَ مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ؟ قَالَ أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَمَا يَرَاهُ النَّاسُ؟ مَنْ عَشَّ فَلَيْسَ مِنِّي.

Maksudnya:

Diriwayatkan daripada Abū Hurairah, Rasulullah s.a.w. telah melalui di hadapan satu timbunan makanan (ada riwayat menyatakan ia adalah buah-buahan), kemudian Baginda memasukkan tangan ke dalam timbunan tersebut dan mendapati ia basah (kerana buah itu buruk di bahagian bawah). Lalu Baginda pun bertanya kepada pemilik kedai, “Apa ini?” Kemudian pemilik kedai itu menjawab, “Ia terkena hujan wahai Rasulullah.” Baginda bertanya lagi, “Mengapa kamu tidak meletaknya di atas, agar pembeli tahu?” Lantas Rasulullah s.a.w. bersabda, “Barangsiapa yang membohongi kami, maka dia bukanlah dari kalangan kami.”

(Muslim 2001, Kitāb al-Īmān, Bab Qawl al-Nabi Man Ghasysyana Falaysa Minna, no. 102)

Jika diteliti hadith di atas, didapati konsep dan praktikal hisbah telah pun diterapkan oleh Rasulullah s.a.w.. Baginda telah meronda di pasar dan melakukan pemantauan terhadap situasi perniagaan umat Islam sambil memberi panduan yang sewajarnya. Antara tugas anggota MPS adalah memantau pelaksanaan fatwa yang telah dikeluarkan dan salah satu caranya adalah dengan melalui kaedah turun padang seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w..

### Hujah Keenam

Terdapat satu kaedah *usūl al-fiqh* yang berbunyi:

مَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

Maksudnya:

Apabila tidak sempurna sesuatu kewajipan kecuali dengan kewujudan sesuatu yang lain, maka sesuatu yang lain itu juga menjadi wajib.

(Zaydan 1993)

Melaksanakan tugas menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran merupakan satu kewajipan sebagaimana perbincangan sebelum ini. Manakala hisbah dan MPS pula merupakan instrumen yang menjayakan dan memastikan kewajipan tersebut terlaksana. Maka berdasarkan kaedah ini, dapat disimpulkan bahawa mewujudkan institusi penguatkuasaan seperti hisbah dan MPS untuk menjalankan tugas menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran juga merupakan satu kefarduan yang disyariatkan oleh syarak. Ini kerana kewajipan menghindari riba dan gharar, tidak akan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya, tanpa kewujudan institusi pengawasan seperti MPS.

### Kesimpulan

Hisbah merupakan elemen pemantau yang menjadi asas kemakmuran kehidupan masyarakat Muslim. Ia mempunyai fungsi untuk memastikan ekosistem masyarakat agar sentiasa berada pada landasan syarak. Tugas-tugas hisbah dijalankan oleh *muhtasib* dan ia merangkumi bidang yang pelbagai. Merujuk kepada perincian tugas yang telah disenaraikan oleh para fuqaha, jelas bahawa antara bidang tugas *muhtasib* adalah untuk memantau keadaan pasar, iaitu tempat berlaku aktiviti perekonomian secara rancak. Hal ini dimanifestasikan oleh MPS secara jelas. Penasihat syariah yang menganggotai MPS, mempunyai tugas yang menyerupai tugas *muhtasib*, di mana ia dilantik untuk memantau perjalanan bank, agar seiring dengan kehendak syarak. Meskipun MPS kelihatan lebih eksklusif, pada dasarnya ia menjalankan sebahagian tugas yang dijalankan oleh hisbah. Maka, dapat disimpulkan bahawa, MPS merupakan jelmaan hisbah dalam figura yang lebih moden dan terangkum di dalamnya tugas yang lebih khusus, iaitu menjadi pemantau dan penasihat kepada sistem perbankan Islam.

## Bibliografi

- 'Abd Allah, Muhammad 'Abd Allah., 1996, *Wilāyah al-Hisbah fī al-Islām*, Kaherah: Maktabah al-Zahrah.
- Abdullah Basmeih, 2000, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad al-Āyid, 1989, *al-Muġjam al-ʿArabī al-Asāsī*, Lārūs: t.pt..
- Ahmad Che Yaacob, 1999a, Institusi Hisbah: Satu pengenalan, *Jurnal Fikrah* (2): 119-126.
- \_\_\_\_\_, 1999b, Penulisan Fuqaha Mengenai Hisbah dan Peranannya di dalam Merealisasikan Hukum Fiqh, *Jurnal Syariah* 2(7): 42.
- Ahmad Faizol bin Ismail, 2010, Fungsi Majlis Penasihat Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia: Kajian Terhadap Bank Muamalat Malaysia Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad. Tesis Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya.
- Bank Negara Malaysia, 2005, *Guidelines on the Governance of Shariah Committee*, Kuala Lumpur: BNM.
- Fāris, Abu Mu'ammār., 1994, *Athar al-Raqābah al-Syar'iyyah wa Istiqlāliyyātuha 'ala al-Mu'āmalāt al-Bank al-Islāmī*, Aman: Bank Islam Jordan.
- Hammād, Hamzah 'Abd al-Karim., 2006, *al-Raqābah al-Syar'iyyah fī al-Masārif al-Islāmiyyah*, Aman: Dār al-Nafā'is.
- Hassan Yusof Dāwud, 1996, *al-Raqābah al-Shar'iyyah fī al-Masārif al-Islāmiyyah*, Kaherah: al-Ma'had al-'Ālamī fī al-Fiqh al-Islāmī.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl., t.th., *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Ibn Khaldun, t.th., *Muqaddimah*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Taymiyyah, t.th., *al-Hisbah fī al-Islām*, t.pt.: t.pt..
- al-Mawardi, Abu al-Hassan 'Ali ibn Habib al-Basri., t.th., *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*, Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- al-Murāghī, Ahmad Mustafa., t.th., *al-Hisbah fī al-Islam*, Kaherah: Matba'ah al-Bābī al-Halabī.
- al-Qurtūbī, Abū 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad., t.th., *al-Jāmi' li al-Ahkām al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Hayā' al-Turāth al-'Arabī.
- al-Safadi, Salah al-Din Khalil ibn Aibak., 2000, *al-Wafī bi al-Wafayat*, Jil. 15, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyyah.
- al-Su'ud, Ahmad Muhammad., 2005, *al-Raqābah al-Syar'iyyah wa Atharuhā fī al-Masārif al-Islāmiyyah*, Prosiding Seminar Antarabangsa Ekonomi Islam Kali Ke-3, Riyad, Arab Saudi, 26-30 April 2009.
- Syalabī, Ahmad, 1981, *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī wa Tārīkh al-Nizām al-Qadā'iyyah fī al-Islām*, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- al-Tabarī, Abū Ja'far Muhammad ibn Jarīr., 2007, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl al-Qur'ān*, Jil. 3, Kaherah: Dār al-Salām.
- Za'īr, 'Abd al-Hakim, 1996, *al-'Alāqah bayna al-raqābah al-syar'iyyah wa al-raqābah al-māliyah fī al-mu'assasāt al-islāmiyyah*, *Majallah al-Iqtisād al-Islāmī* (182): 43.
- Zaydan, 'Abd al-Karim, 2001, *Usul Al-Dakwah*, Beirut: Dār al-Fikr.
- \_\_\_\_\_, 1993, *al-Wajiz fī Usul al-Fiqh*, Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.

al-Zuhaylī, Wahbah., 1991, *al-Tafsīr al-Munīr*, Jil. 2, Beirut: Dār al-Fikr.

---

AHMAD FAIZOL ISMAIL  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: afaizol@unisza.edu.my